



Proton sumbang Gen 2 dan 10 enjin Campro kepada Fakulti Kejuruteraan



SERDANG, 8 Mei – Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima sumbangan Proton Holding Berhad sebuah kereta Gen 2 dan 10 enjin CAMPRO.

Sumbangan itu diterima oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian, Prof. Madya Dr. Khalina Abdan daripada Pengurus Bahagian FMD, Proton, Hoslan Hussain.

Majlis penyerahan itu diadakan di Dewan Seminar, Fakulti Kejuruteraan, UPM dan dihadiri oleh Prof. Datin Dr. Napsiah Ismail, Timbalan Dekan Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Alumni dan Jaringan Industri & Masyarakat, Fakulti Kejuruteraan, Prof. Madya Ir. Dr. Azmi Dato' Yahya, pegawai delegasi Proton, pensyarah, staf teknikal dan sokongan Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian dan pelajar siswazah jabatan itu.

Kereta dan 10 enjin itu ditempatkan di Makmal Kuasa dan Sistem Tenaga untuk digunakan dalam kursus Pengurusan dan Latihan Bengkel pelajar-pelajar tahun Satu Bachelor Kejuruteraan Pertanian dan Bio Sistem dan Bachelor Kejuruteraan Aeroangkasa serta pelajar-pelajar tahun tiga Bachelor Kejuruteraan Proses dan Makanan.



Kemudahan yang sama juga akan digunakan dalam kursus Mesin Termal dan Bendalir pelajar-pelajar tahun tiga Bachelor Kejuruteraan Pertanian dan Biosistem.

Fakulti Kejuruteraan turut menjemput Proton untuk menjadi rakan kongsi pintar untuk membangunkan modal insan yang berpengetahuan dan berkemahiran yang mampu bersaing di peringkat global.

Melalui jalinan rakan kongsi pintar itu, kemudahan makmal yang terdapat di Proton dan di

Fakulti Kejuruteraan boleh digunakan bersama untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar dan penyelidikan dan pembangunan pensyarah fakulti dan jurutera Proton.

Jurutera Proton mungkin dapat mengenalpasti masalah kejuruteraan yang boleh dijadikan sebagai topik bagi projek tahun akhir pelajar bachelor atau topik kajian penyelidikan tesis MS atau Phd bagi pelajar siswazah.

Jurutera Proton yang terbabit boleh dilantik sebagai ahli jawatankuasa penyeliaan projek pelajar bachelor atau dalam jawatankuasa penyeliaan tesis pelajar siswazah terbabit.

Melalui jalinan rakan kongsi pintar itu juga fakulti boleh menjemput jurutera Proton untuk berkongsi pengalaman praktikal di bawah topik-topik tertentu melalui syarahan atau perbincangan yang diatur khusus untuk pelajar.

Melalui jalinan itu, pelajar bachelor dalam kumpulan yang besar diberikan laluan yang mudah oleh Proton setiap tahun untuk menjalani latihan industri 10 minggu di makmal-makmal rekabentuk dan kilang-kilang pemasangan Proton.

Jurutera Proton juga akan diberikan keutamaan oleh fakulti bagi mengikuti program peringkat MS atau PhD.

Dari aspek penyelidikan pula, Proton boleh menaja aktiviti penyelidikan untuk pensyarah fakulti di bawah kajian strategik untuk Proton selain pensyarah fakulti dan jurutera Proton boleh bekerjasama memohon geran penyelidikan nasional dan antarabangsa dalam permasalahan kejuruteraan.